



JUHAR ketika menyampaikan Perutusan Khas Hari Natal 2022 dan Tahun Baharu 2023 di Istana Seri Kinabalu.

# Kekalkan penjagaan kendiri ketika sambut perayaan: TYT

KOTA KINABALU: Rakyat perlu sentiasa mengekalkan penjagaan kendiri semasa menyambut musim perayaan.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin menasihatkan semua lapisan masyarakat supaya terus berhati-hati dan tidak membuka ruang kepada penyebaran Covid-19.

"Kita perlu patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa agar semua terlindung daripada ancaman Covid-19.

"Saya juga ingin menasihati seluruh lapisan masyarakat sentiasa mengutamakan keselamatan diri dan orang lain, khususnya ketika berada di jalan raya semasa musim perayaan ini."

"Selain itu, kita harus sentiasa mengamalkan konsep berbelanja secara berhemah apatah lagi perbelanjaan keluarga untuk persediaan persekolahan anak-anak menjelang pembukaan sesi persekolahan kelak," katanya dalam Perutusan Khas Hari Natal 2022 dan Tahun Baharu 2023 di Istana Seri Kinabalu, pada Selasa.

Tun Juhar turut merakamkan ucapan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang terlibat dalam membendung penularan wabak Covid-19.

"Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membendung penularan wabak Covid-19 di negeri ini sama ada oleh agensi-agensi kerajaan, syarikat

berkaitan kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan semua pihak yang terlibat.

"Usaha gigih dan berterusan dalam membendung penularan Covid-19 membolehkan negara memasuki fasa peralihan ke endemik, seterusnya membolehkan kerajaan kembali memberi tumpuan kepada usaha-usaha pemulihan dan pembangunan," tambah beliau.

Dalam pada itu, Tun Juhar juga menyeru rakyat untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai ilmu pengetahuan agar sentiasa bersedia untuk menghadapi apa jua cabaran yang mendatang.

"Sabah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai sumber, menyediakan banyak peluang dan potensi untuk diterokai.

"Potensi dan penerokaan ini sudah tentu lebih mudah direalisasikan untuk kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat jika kita memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan.

"Marilah kita berganding bahu untuk melangkah ke tahun baharu 2023 ini dengan komitmen yang tinggi untuk negeri tercinta ini," ujarnya.

Menerusi perutusannya, Tun Juhar sekeluarga mengucapkan selamat menyambut Hari Natal dan Tahun Baharu 2023 kepada seluruh rakyat di negeri ini.